

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

# E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI  
2024



# WAKAF ILMU

# SOLIDARITI BERSAMA PALESTIN



Penulis: Ustaz Zulkifli Dahalan & Dr Muhamad Rafiqi Hehsan

Pensyarah ACIS UiTMCPP & Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM

**Palestin menuntut kemerdekaan bermula pada tahun 1948. Apabila negara umat Islam ini diambil secara tidak bermaruah untuk ditempatkan pendatang Yahudi. Hal ini berlaku setelah kaun Yahudi ditolak oleh negara-negara lain. Walaupun bersilih ganti pimpinan HAMAS terkorban syahid, tidak pernah mematikan semangat juang umat Islam Palestin untuk memerdekaan tanah air mereka.**

## Kesyahidan HAMAS

Syeikh Ahmad Yaasin, Dr. Abdul Aziz al-Rantisi, Syeikh Ismail Haniyyeh adalah antara tokoh pembangkit jiwa pejuang Palestin. Ismail Abdul Salam Haniyyeh adalah tokoh terkini yang terkorban syahid. Beliau terdedah kepada beberapa percubaan bunuh sebelum ini dan salah satunya ketika bersama Syeikh Ahmad Yaasin pada tahun 2003. Beliau dipilih menjadi anggota Majlis Perundangan Palestin pada tahun 2008 dan dipilih menjadi Perdana Menteri Palestin ke 11 dalam kerajaan yang dibentuk pada tahun 2007.

Syeikh Ismail Haniyyeh ditahan buat kali pertama pada tahun 1987 dan diusir ke Marj al-Zuhur di Selatan Lubnan. Memimpin HAMAS selepas kesyahidan Dr. Abdul Aziz al-Rantisi pada tahun 2004. Beliau dipilih menjadi Ketua Biro Politik HAMAS pada Mei 2017. Syeikh Ismail Haniyyeh disahkan syahid pada 31 Julai 2024 di Tehran, Iran ketika usianya 62 tahun. Pemergiannya setelah beberapa anggota keluarganya turut syahid sebelum itu.

Kesyahidannya berlaku ketika perjanjian damai sudah hamper tercapai dimana China turut sama terlibat dalam rundingan tersebut. Pelan damai akan membantutkan kehendak zionis untuk terus menghalau penduduk Palestin. Menurut Syed Munawwar pembunuhan Ismail Haniyyeh membuatkan HAMAS tersentap sekejap, menimbulkan gangguan terhadap proses pelan damai, berjaya bina persepsi pembunuhan didalangi Iran, berjaya melaga-lagakan Sunni-Syiah dan memberi ruang masa ‘realign’ kepentingan Amerika Syarikat.

## Tokoh Terkini HAMAS

Pemergian Ismail Haniyyeh dijangka tidak mampu merencangkan perjuangan rakyat Palestin. Yahya Sinwar dilantik menggantikan Ismail Haniyyeh. Pendekatannya lebih tegas dalam menghadapi pencerobohan Zionis Israel.

Menurut Nadir al-Nuri, pemilihan Yahya Sinwar di luar jangkaan ketika proses damai sedang dikendalikan. Yahya terkenal perkataan ‘lantak kau nak ke tak nak, aku akan buat juga. Beliau lebih dikenali sebagai mujahid, bukan orang politik. Kini kuasa sayap bersenjata disatukan dengan kuasa politik.

Yahya antara pengasas briged al-Qassam dengan nama al-Majd di awalnya. Yahya pernah dipenjarakan selama 23 tahun oleh penjajah dengan 4 tahun daripadanya duduk dalam ‘solitary confinement’, berseorangan.

Moga bumi Palestin kembali bebas dan bermaruah dan kita dapat bersama menunaikan solat di al-Aqsa dengan aman dan damai.

### **Malaysia dan Palestin**

Hubungan istimewa Palestin dan Malaysia terjalin sekian lama sejak Zionis menjarah bumi Palestin. Solidariti bersama rakyat Palestin ditunjukkan apabila ribuan rakyat Malaysia berhimpun di Arena Axiata, Bukit Jalil pada 4 Ogos 2024.

Pada himpunan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan menyatakan sokongan terhadap perjuangan Palestin bersama beberapa pemimpin lain yang hadir. Anwar sebelum ini tidak pernah lekang menegaskan pendirian Malaysia yang konsisten dalam membantu rakyat negara berkenaan, termasuk di pentas dunia.

Himpunan Pembebasan Palestin itu juga antara lain adalah untuk menghantar mesej yang kuat kepada dunia bahawa Malaysia mengutuk pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas, Ismail Haniyeh dan kekejaman berterusan rejim Zionis.

Malaysia akan melakukan sedaya upaya dalam menyuarakan pandangan, menyokong perjuangan rakyat Palestin yang mahukan negara merdeka dan berdaulat. Perdana Menteri memohon agar rakyat tidak berhenti berbicara mengenai Palestin serta menyalurkan bantuan, sedekah bagi meringankan beban mereka. Ia bagi meletakkan Malaysia dalam peta sejarah yang bersungguh-sungguh memperjuangkan dan membantu Palestin.

Malaysia turut berhasrat untuk membawa rakyat Palestin yang cedera ke Malaysia bagi menerima rawatan di negara ini (Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara). Komitmen PM dibuktikan apabila pada 16 Ogos 2024, 41 rakyat Palestin yang cedera akibat serangan Israel di Gaza, diiringi 86 waris mereka, tiba di Pangkalan Tentera Udara Subang dengan menaiki dua pesawat A-400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia, untuk menerima rawatan. Alhamdulillah, syukur atas komitmen yang ditunjukkan.

**Pejuang HAMAS dan penduduk  
Palestin khususnya di Gaza  
berjuang dengan rohani dan  
jasmani, kita di sini berjuanglah  
dengan doa dan derma.**





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder  
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.